



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA YAYASAN WAQAF MALAYSIA

YWM AGIH RM219,322.61 DANA WAKAF PENDIDIKAN YWM - PINTA KEPADA 20 INSTITUSI TAHFIZ DI BAWAH PINTA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM MULTIMEDIA TAHFIZ MADANI

1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah menyampaikan sumbangan Dana Tabung Pendidikan YWM - PINTA berjumlah **RM219,322.61** kepada **PINTA (Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan)** bagi tujuan pelaksanaan **Program Multimedia Tahfiz Madani** di pusat-pusat tahfiz Al-Quran seluruh negara.
2. Sumbangan daripada YWM ini akan memanfaatkan **20 institusi tahfiz di bawah PINTA** di mana **setiap institusi tahfiz akan dibekalkan dengan masing-masing seunit komputer riba, pencetak pelbagai fungsi, toner pencetak, projektor dan skrin layar** bagi pelaksanaan **Program Multimedia Tahfiz Madani**.
3. Sumbangan ini telah disampaikan oleh YBr. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif YWM kepada Encik Zulkifli bin Hussain, Timbalan Presiden PINTA dan turut disaksikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi YWM di dalam Majlis Perhimpunan Agensi di Bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
4. Antara **objektif pelaksanaan Program Multimedia Tahfiz Madani** adalah:
 - a. Meningkatkan keupayaan penggunaan teknologi digital dan elektronik di dalam Institusi Tahfiz selaras dengan perkembangan teknologi moden;
 - b. Memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan baik dengan bantuan teknologi serta akses kepada sumber pembelajaran yang lebih komprehensif serta meningkatkan kecekapan pengurusan Institusi Tahfiz;
 - c. Mempersiapkan Institusi Tahfiz di Malaysia bagi penggunaan PINTA Management System (PMS) dengan peralatan yang bersesuaian dan kemahiran ke arah pelaksanaan sistem elektronik.

Sekian, terima kasih

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
11 OKTOBER 2023

Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, sila layari www.ywm.gov.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin**
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my
- 2. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**
Pegawai Media
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my